

28/08/2003

Malaysia, Jepun mahu percepat FTA

By Azli Ayob

MALAYSIA dan Jepun bersetuju menubuhkan sebuah kumpulan kajian bersama bagi mempercepatkan proses mencapai persetujuan menandatangani perjanjian perdagangan bebas (FTA) antara kedua-dua negara.

Persetujuan bagi penubuhan kumpulan kajian bersama itu dicapai pada pertemuan antara Pengerusi Jawatankuasa Kajian Perhubungan Antarabangsa Jepun, Katsutsugu Sekiya dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Seri Rafidah Aziz di Kuala Lumpur, semalam.

Sekiya pada sidang media selepas pertemuan itu berkata, kumpulan kajian bersama itu akan membabitkan penyertaan pihak swasta dari kedua-dua negara.

"Kedua-dua pihak bersetuju mempercepatkan kajian berkenaan yang seterusnya akan membuka jalan ke arah mencapai persetujuan mengenai FTA secepat mungkin," katanya.

Turut hadir pada pertemuan itu ialah Duta Jepun di Malaysia, Masaki Konishi.

Sekiya berkata, bagi mempercepatkan proses mencapai persetujuan bagi FTA itu, kumpulan kajian bersama berkenaan tidak akan membincangkan perkara yang dianggap sensitif kerana ia boleh mengganggu usaha berkenaan.

"Perkara itu hanya akan dibincangkan kemudian, tetapi apa yang dipersetujui hari ini ialah kedua-dua pihak perlu mengadakan FTA secepat mungkin," katanya.

Beliau berkata, dalam pertemuan kira-kira sejam dengan Rafidah itu, mereka berbincang bagi mengadakan kerjasama dalam bidang pelancongan.

FTA dua hala Malaysia-Jepun diumumkan Disember lalu ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menemui rakan sejawatannya di Jepun, Junichiro Koizumi, sempena lawatan beliau ke negara itu.

Rafidah pada 11 hingga 18 Mac lalu mengetuai rombongan galakan perdagangan dan pelaburan ke Nagoya, Fukuoka dan Kobe, Jepun bagi meningkatkan lagi hubungan perdagangan dan pelaburan seperti yang diharapkan dalam cadangan FTA Dua Hala Malaysia-Jepun.

Sementara itu, Masaki ketika ditanya perkembangan mesyuarat padanan niaga antara sektor pembuatan Jepun dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan berkata, perbincangan antara kedua-dua pihak mengenai perkara itu berjalan dengan baik.

"Perkara pertama yang dilakukan oleh syarikat perkilangan di Jepun sekarang ialah meninjau situasi di negara ini," katanya.

Bagaimanapun, katanya, pihaknya setakat ini tidak mengetahui adanya sebarang kerjasama pada peringkat individu mengenai perkara itu.

"Kita berharap kerjasama ini dapat dicapai dalam bulan akan datang," katanya.

Mesyuarat padanan antara sektor pembuatan Jepun dan PKS tempatan diadakan sempena lawatan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Jepun Julai lalu.